

07 MAR 2002

MAHATHIR-AKAUN/I

BENARKAN AKSES KEPADA AKAUN MEREKA YANG BERASUAH, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Kerajaan harus dibenarkan akses kepada akaun-akaun bank asing milik ahli-ahli politik atau pegawai-pegawai yang disyaki mengamalkan rasuah sama seperti apa yang dilakukan terhadap akaun-akaun mereka yang disyaki pengganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini

"Jika kita boleh melakukannya terhadap wang pengganas, mengapa tidak dengan wang ahli-ahli politik ataupun pegawai-pegawai yang berasuah, kata Perdana Menteri semasa satu sesi dialog di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di sini.

Beliau berkata, sebilangan besar negara kini menjadi syurga selamat bagi wang haram kerana undang-undang perbankan mereka tidak membenarkan pendedahan maklumat mengenai transaksi perbankan.

Dr Mahathir menyeru masyarakat kewangan antarabangsa supaya mengharamkan amalan perbankan seperti itu di semua negara.

"Baru saya rasa, kita akan dapat menghentikan aliran wang haram dan wang rasuah untuk dideposit di negara-negara tertentu," katanya.

Walaupun sedikit kemajuan telah dicapai berhubung kerahsiaan akaun-akaun wang haram, Perdana Menteri berkata: "Tetapi ia masih di pangkal jalan".

Beliau menunjukkan yang Malaysia sendiri pernah menghadapi masalah dalam mendapatkan maklumat mengenai wang haram milik individu tertentu kerana diberitahu yang peraturan perbankan sedia ada tidak membenarkan pendedahan akaun pelanggan mereka.

Ini menyebabkan mereka yang bersalah kerana mengumpulkan wang secara haram untuk terlepas daripada jenayah, kata Dr Mahathir.

"Kerahsiaan sistem perbankan kita kurang," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukan syurga selamat bagi wang haram tetapi ia tempat selamat untuk menyimpan tabungan.

Sementara itu mengenai sambutan terhadap bon-bon yang dikeluarkan oleh Malaysia, beliau berkata sambutan hangat terhadap bon negara daripada masyarakat pelaburan antarabangsa, walaupun ada antara mereka sebelum ini mengutuk dasar-dasar negara, membayangkan penerimaan negara ini oleh pelabur-pelabur asing.

Menyentuh kurangnya ketelusan di rantau ini dalam pembiayaan parti-parti politik, Dr Mahathir berkata cara parti-parti politik barat dibiayai bukan mudah untuk diamalkan dengan serta merta di sini.

Penyesuaian kepada kaedah demokrasi barat oleh negara-negara Asia bukan mudah kerana demokrasi telah diamalkan di barat sebelum negara-negara Asia menerima pakainya.

Dr Mahathir berkata parti-parti politik memerlukan wang untuk berkempen dan untuk mempromosi diri mereka.

"Saya masih belum menemui satu negara yang ahli-ahli politiknya tidak menerima derma dalam cara tertentu," kata beliau lagi. -- BERNAMA

MAD AHH PR JR